Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

MIMBAR NAKHODA منبر نقهودا

BIL: 2/2 REJAB 1435H/2 MEI 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

BERAMAL DENGAN IKHLAS

Hadhrat Al-Faqih Abul-Laits As-Samarqandi Rahmatullah 'Alaih berkata, Telah menerangkan kepada kami Muhammad Ibni Al-Fadhil Ibni Ahnaf berkata: Telah menerangkan kepada kami Muhammad Ibni Ja'afar Al-Karabisi, dia berkata: Telah menerangkan kepada kami Isma'il Ibni Ja'afar, dari 'Amr Maula Al-Muthalib dari 'Ashim dan Muhammad Ibni Labid Radhiyallahu 'Anhu berkata, Hadhrat Nabi Muhammad Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda:

أَخْوَفُ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمُ الشِّرْكُ الأَصْغَرُ، قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ وَمَا الشِّرْكُ الأَصْغَرُ؟ قَالَ: الرِّيَاءُ، يَقُوْلُ اللهُ تَعَالَى لَهُمْ يَوْمَ يُجَازِى الْعِبَادَ بِأَعْمَالِهِمْ: إِذْهَبُوْا إِلَى الَّذِيْنَ كُنْتُمْ تُرَاءُوْنَ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا فَانْظُرُوْا هَلْ تَجِدُوْنَ عِنْدَهُمْ خَيْرًا. (تنبيه الغافلين - باب الإخلاص)

"Yang sangat daku khuatirkan ke atas kamu ialah Syirik Terkecil. Para Shahabat bertanya: Ya Rasulallah, apakah Syirik yang terkecil itu? Jawabnya: Riya, Allah Ta'ala akan berkata kepada mereka pada Hari Pembalasan ke atas sekalian hambaNya dengan segala amalan mereka: Pergilah kamu kepada orang-orang yang dahulu kamu beramal kerana mereka di Dunia, lihatlah di sana kalau-kalau kamu mendapatkan kebaikan dari mereka." [Tanbihul-Ghafilin – Bab: Ikhlas]

PENGAJARAN HADITS

Riya adalah beramal untuk dilihat orang dan dipuji orang. Dikatakan pada mereka sedemikian kerana amal perbuatan mereka ketika di Dunia adalah melakukan penipuan, maka akan dibalas dengan demikian juga. Allah akan membatalkan semua amal perbuatan mereka disebabkan mereka tidak beramal semata-mata kerana Allah, maka pembalasan amal mereka tiada di sisi Allah, kerana setiap amal yang tidak Ikhlas kepada Allah maka tidak akan dapat sampai kepadaNya. Oleh itu, setiap amal yang dikerjakan bukan kerana Allah dan kerana sesuatu yang selainNya, maka Allah Ta'ala berlepas tangan daripadanya. Baginda lebih khuatirkan kesan mudharat dari perkara-perkara Syirik yang dianggap kecil oleh kebanyakan manusia dari kesyirikan besar yang terzahir kerana ianya akan menyebabkan segala amal kebaikan yang dilakukan oleh seseorang tidak diterima di sisi Allah Ta'ala.

JADUAL CERAMAH MASJID JAMEK KG.NAKHODA

HARI	MASA/TARIKH	PENGAJAR
JUMAAT	KULIAH MAGHRIB – 2/5/2014	Ust. Mohd. Nor Hussin
SABTU	KULIAH SUBUH – 3/5/2014	Ust. Abdul Aziz Aroff
SABTU	KULIAH MAGHRIB – 3/5/2014	Ust. Hairul Nizam Mat Hussin
AHAD	KULIAH SUBUH – 4/5/2014	Ust. Mohd. Rani Awang Besar
AHAD	KULIAH MAGHRIB – 4/5/2014	Ust. Drs. Khoiruddin Mutain
ISNIN	KULIAH MAGHRIB – 5/5/2014	Ust. Imran Al-Malizi
SELASA	KULIAH MAGHRIB – 6/5/2014	Ust. Mohd. Nor Hamzah
RABU	KULIAH MAGHRIB – 7/5/2014	Ust. Abdul Rahman

JADUAL KULIAH PENGAJIAN MASJID JAMEK KG.NAKHODA

HARI	MASA/TARIKH	PENGAJAR
SELASA	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (6/5/2014)	Nahwu & Sharaf
RABU	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (7/5/2014)	Fiqah & Tashawuf
KHAMIS	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (8/5/2014)	Tafsir & 'Aqidah
JUMAAT	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (9/5/2014)	Hadits & Sirah

Q: Di manakah kubur bagi orang yang meninggal di dalam laut atau yang dibaham binatang buas?

A: Kuburnya di mana tempat dia meninggal. Apa yang penting adalah dia telah berpindah dari Alam Dunia ke Alam Barzakh kubur. Pertanyaan Malaikat di dalam kubur tetap aka nada walau di mana sekalipun dia meninggal dunia. Semuanya dalam kekuasaan Allah Yang Maha Kuasa dan Yang Maha Bijaksana.

(Syeikh Nuruddin Marbu Al-Banjari Al-Makki Hafizhahullah)

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguanoleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kg. Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

FATWA TENTANG SYIAH DI MALAYSIA

FATWA KEBANGSAAN

Pada Mei 1996, Majlis Fatwa menarik balik kebenaran mengamalkan mazhab Syiah aliran Al-Zaidiyah dan Ja'afariyah di Malaysia, menjadikan semua amalan Syiah tidak diterima di negara ini. Fatwa juga menetapkan umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam berasaskan pegangan Ahlus-Sunnah Wal-Jama'ah dari segi 'Aqidah, Syari'ah dan Akhlaq. Ajaran Islam yang lain daripada pegangan Ahlus-Sunnah Wal-Jama'ah adalah bercanggah dengan hukum Syara' dan undang-undang Islam. Penyebaran apa-apa ajaran selain daripada pegangan Ahlus-Sunnah Wal-Jama'ah adalah dilarang. Penerbitan, penyiaran dan penyebaran sebarang buku, risalah, filem, video dan lain-lain berhubung dengan ajaran Islam yang bertentangan dengan pegangan Ahlus-Sunnah Wal-Jama'ah adalah diharamkan.

IMAM ASY-SYAFI'IE

TOKOH ISLAM

Nama sebenar Imam Syafi'ie ialah Muhammad Ibni Idris Ibni 'Abbas Ibni 'Utsman Ibni Syafi'ie Ibni Sa'ib Ibni 'Abdu Yazid Ibni Hasyim Ibni 'Abdul Muthallib Ibni 'Abdu Manaf dan berasal daripada keturunan 'Arab Quraisy.

Beliau dilahirkan di Kota Gaza, Palestin pada bulan Rjab 150 Hijrah. Ayah beliau meninggal dunia sewaktu beliau masih kecil dan ada riwayat mengatakan sewaktu beliau masih berada dalam kandungan ibunya lagi.

Gurunya yang pertama adalah ibunya sendiri yang telah mengajarkan beliau mengenal huruf-huruf dan membaca Al-Quran.

Ketika berusia 9 tahun beliau sudah menghafal Al-Quran dan ketika berusia 10 tahun beliau telah menghafal kitab Al-Muwattha yang telah dikarang oleh Imam Malik.

Beliau mempunyai kecerdikan dan daya ingatan yang sangat luar biasa sehingga telah dibenarkan memberikan fatwa sendiri oleh gurunya ketika beliau berusia 15 tahun sewaktu mengajar di Masjid Al-Haram.

Beliau pernah berguru dengan Imam Isma'il Kustantani, seorang guru Ilmu Al-Quran yang terkenal pada waktu itu. Imam Syafi'ie juga amat meminati syair dan puisi, beliau pernah berguru dengan Mas'ab Ibni Zubair, seorang penyair terkenal. Dalam masa 3 bulan sahaja Imam Syafi'ie mampu menghafal 10,000 rangkap syair kaum Bani Huzail. Imam Syafi'ie telah menulis 142 buah kitab semasa hayatnya.

Imam Syafi'ie meninggal dunia selepas waktu 'Isya, malam Jumaat 28 Rejab 204 Hijrah/820 Masihi di rumah 'Abdullah Ibni Hakam sewaktu berusia 54 tahun di Mesir. Jenazahnya dikebumikan di tanah perkuburan Bani Zaharah.

SYARAT-SYARAT SHALAT BERJEMAAH:

1. Hendaklah berniat mengikut Imam dan diri sebagai Makmum.
2. Hendaklah mengetahui akan Shalat yang didirikan oleh Imam sama ada Fardhu atau Sunnat.
3. Jangan mendahului daripada perbuatan Imam.
4. Makmum hendaklah hampir dengan Imam dan jangan ada dinding di antara Imam dan Makmum yang menegahkan Makmum nampak kepada Imam.

MEREKA YANG BOLEH MENJADI IMAM:

1. Hamba boleh diikuti oleh tuannya atau orang-orang lain.
2. Kanak-kanak yang sudah Mumayyiz pandai membezakan di antara bersih dan tidak, dan di antara bagus dan tidak, yang cerdik boleh diikuti oleh orang yang dewasa.

HUKUM SHALAT BERJEMAAH:

Solat berjemaah hukumnya Fadhu Kifayah, bagi orang lelaki pada Shalat Fardhu. Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda bahawa "Shalat dengan berjemaah itu lebih besar pahalanya dari melakukan Shalat seorang diri dengan dua puluh tujuh darjat." [Bukhari & Muslim]

MEREKA YANG TIDAK BOLEH MENJADI IMAM:

1. Perempuan tidak boleh diikuti oleh lelaki, melainkan perempuan sesame perempuan.
2. Orang yang tidak bagus bacaan Fatihahnya tidak boleh diikuti oleh orang yang bagus dan pandai bacaan Surah Fatihahnya.

FADHILAT REJAB

فَإِذَا ٱنسَلَخَ ٱلْأَشْهُرُ ٱلْحُرُمُ فَٱقْتُلُوا۟ ٱلْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدتُّمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَٱحْصُرُوهُمْ وَٱقْعُدُوا۟ لَهُمْ
كُلَّ مَرْصَدٍ ۚ فَإِن تَابُوا۟ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَخَلُّوا۟ سَبِيلَهُمْ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۝

Kemudian apabila habislah masa bulan-bulan yang dihormati (Rejab, Zulqaidah, Zulhijjah dan Muharram) itu maka bunuhlah orang-orang Musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya dan tawanlah mereka dan juga keponglah mereka serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya. kemudian jika mereka bertaubat dari kekufurannya dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka, jangan diganggu. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. [At-Taubah: 5]

Fadhilat bulan Rejab secara umumnya berada dalam fadhilat bulan-bulan Haram yang dihormati di mana orang-orang Islam ditegah melakukan kezaliman peperangan dan juga dilarang melakukan maksiat kepada Allah. Amalan Shalih di dalam bulan Rejab adalah sebagaimana ganjarannya di dalam bulan-bulan Haram. Berkata Ibnu Hajar: "Sesungguhnya bagi bulan Rejab tidak terdapat Hadits mengenai fadhilat khas berpuasa, tidak terdapat yang Shahih atau Hassan."

Kebanyakan Hadits-hadits berkenaan fadhilat berpuasa pada bulan Rejab adalah Dha'if dan Maudhu', walaubagaimanapun Para 'Ulama Ahlus-Sunnah Wal-Jama'ah bersepakat bahawa Hadits Dhaif tidak boleh dijadikan sebagai hujjah namun dibolehkan beramal dengannya.